

Laman Sesawang Interaktif: Platform Pencarian Taska Berlesen

Nur Annisa Ardini Anor, Wan Nor Ashiqin Wan Ali^{1*}, Nur Azila Azahari

¹*Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi (iKOM), Universiti Malaysia Perlis.*

ABSTRACT

Laman sesawang interaktif dibangunkan untuk dijadikan sebagai platform pencarian taska berlesen yang ada di kawasan Perlis bagi membantu golongan ibu bapa yang sibuk bekerja dan memerlukan pengasuh yang bertauliah dan taska yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lengkap dan mencukupi. Selain itu, masa dan tenaga serta kos dapat dikurangkan kerana ibu bapa hanya perlu mencari secara atas talian tanpa perlu berasa ragu akan kredibiliti taska tersebut. Pembangunan laman sesawang interaktif ini menggunakan aplikasi yang dipanggil Wix, iaitu sebuah aplikasi untuk membangunkan perisian sistem seperti membangunkan laman sesawang dan juga laman sesawang interaktif. Uji lari yang dijalankan ke atas laman sesawang interaktif ini setelah fungsi utamanya boleh beroperasi adalah uji lari Alpha dan juga uji lari Beta. Dua orang pakar multimedia dijadikan sebagai responden kepada uji lari Alpha, manakala seramai 30 orang responden bagi uji lari Beta. Berdasarkan hasil kajian yang didapati, kebanyakan responden memberi respon yang positif dan memberi komen serta cadangan yang boleh dilakukan untuk menambahbaik laman sesawang interaktif yang sedia ada dengan fungsi-fungsi yang lain.

Kata Kunci: Laman Sesawang Interaktif, Wix, Taska, Uji Lari.

1. PENDAHULUAN

Rumah pengasuh yang tidak berdaftar sering kali menimbulkan masalah apabila terdapat isu berlakunya kecederaan kepada kanak-kanak yang diasuh. Hal ini memberi kebimbangan serta kerisauan kepada ibu bapa kerana mereka sibuk bekerja dan tidak mempunyai masa untuk menjaga anak-anak (Sarnon *et al.*, 2017).

Platform untuk mencari pengasuh yang berdaftar juga kurang dibangunkan untuk memudahkan ibu bapa mencari pengasuh dengan mudah tanpa perlu berasa bimbang. Antara contoh platform yang boleh dibangunkan adalah aplikasi mobil serta laman sesawang yang menggunakan weebly.com untuk mereka bentuk (Halim, 2016). Menurut Halim (2016) lagi, laman sesawang merupakan medium yang dijadikan sebagai tempat untuk berurusan sesama mereka yang selalu berada di atas talian.

Pada zaman millennia ini, semua orang sibuk mengejar kerjaya masing-masing. Ibu bapa juga tidak lari dalam mencari kerjaya sendiri dan sering kali sibuk dengan tugas serta akan pulang ke rumah pada lewat malam sehingga tidak berpeluang untuk meluangkan masa bersama anak-anak mereka (Leesee, 2018). Ramai ibu bapa lebih mementingkan kerjaya disebabkan masalah ekonomi yang tidak menentu. Ibu bapa lebih banyak menghabiskan masa di luar kawasan rumah dan lebih banyak berkomunikasi menggunakan gajet sahaja. Hal ini membuatkan mereka kurang mempunyai masa untuk menjaga anak-anak yang masih kecil dan ini membuatkan mereka perlu mengupah seseorang untuk menjaga anak-anak mereka.

*Koresponden: ashiqinali@unimap.edu.my

Sehubungan dengan itu, ibu bapa yang sibuk bekerja dan lebih menggunakan gajet ini akan mengupah pengasuh menggunakan medium yang paling mudah dan cepat seperti Facebook, WeChat dan juga Instagram tanpa berfikir tentang isu-isu dan masalah yang boleh timbul di kemudian hari. Terdapat ramai pengasuh yang tidak bertauliah dan tidak menepati ciri-ciri pengasuh yang mempunyai sijil mempromosikan pekerjaan mereka di laman sesawang tersebut dan ibu bapa senang sahaja untuk menggunakan khidmat mereka kerana tidak perlu melalui prosedur yang rumit dan lama. Selain itu, tempat yang mereka gunakan sebagai pusat asuhan tersebut juga tidak berdaftar dan tidak menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]. Antaranya seperti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia kecuali bagi taska yang dibuat di rumah, memenuhi standard minimum Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi teknikal seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga Jabatan Kesihatan (nd, 2016).

Pelbagai masalah timbul sekiranya isu seperti pengasuh yang tidak bertauliah dan membuka pusat asuhan tidak berdaftar ini berleluasa. Sebagai contoh, berlakunya kes penderaan kanak-kanak seperti yang terjadi kepada Mohd Sufi Naeif Mohd Fauzi dan Farrah Madidah Othman, ibu bapa kepada Allahyarham adik Adam Rayqal yang meninggal dunia kerana disumbat di dalam peti sejuk oleh pengasuh yang hanya dikenali melalui rakan dan juga Facebook (Safeek Affendy Razali, 2018). Selain itu pada Ogos 2018, seorang bayi berusia tiga bulan mengalami patah tangan dipercayai didera dan dikilas dengan kuat oleh pengasuh yang mengatakan bahawa perkara tersebut terjadi hanya disebabkan terseliuh. (Amalina Zainal, 2018). Berlaku juga kes pedophilia terhadap kanak-kanak yang diasuh disebabkan tempat asuhan yang dipilih dimiliki oleh pengasuh yang bernafsu songsang, pasangan suami isteri atau mempunyai ahli keluarga dan mempunyai nafsu terhadap kanak-kanak. Menurut (Suria Lekatlekit, 2018), pernah berlaku kekecohan seketika apabila satu gambar perbualan WhatsApp yang ditangkap layar menjadi tular kerana pengasuh yang bernafsu songsang, iaitu lesbian telah menjadikan anak asuhan sebagai mangsa dan menyebarkan gambar tersebut kepada sesiapa yang berminat. Selain itu di Kepong, bayi berusia tujuh bulan dipercayai dicabul oleh suami pengasuh kerana terdapat gigitan di badan dan lebam pada alat sulit bayi berdasarkan pemeriksaan yang telah disahkan oleh doktor (GhostWalking, 2015).

Sehubungan dengan itu, pengkaji membangunkan satu aplikasi laman sesawang interaktif yang menggabungkan semua taska yang berdaftar dan mempunyai pengasuh yang bertauliah. Hal ini untuk memudahkan ibu bapa mencari taska berlesen yang lebih selamat dan tidak perlu untuk mengambil masa yang banyak untuk mencari. Perkara ini dapat mengelak ibu bapa daripada tersalah pilih pengasuh dan berlakunya kejadian yang tidak diingini. Rumah yang mempunyai kanak-kanak untuk diasuh dan melebihi empat orang perlu membuat pendaftaran seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan (Norulhuda, 2017). Hal ini demikian kerana pelbagai masalah serta isu tentang taska tidak berdaftar ini telah berlaku.

2. KESELAMATAN DI RUMAH PENGASUH TIDAK BERDAFTAR

Kajian yang dibuat oleh Norulhuda (2017) menyatakan bahawa kanak-kanak yang berada di rumah pengasuh sering kali terdedah dengan isu kecederaan dan ini memberi kebimbangan kepada ibu bapa kanak-kanak yang berada di rumah pengasuh itu.

Terdapat banyak langkah keselamatan yang perlu dipatuhi oleh rumah pengasuh mengenai keselamatan kanak-kanak asuhan, antaranya termasuklah mempunyai alat pemadam kebakaran, pengesan asap sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku kebakaran, mempunyai pagar keselamatan dan juga CCTV jika perlu serta mempunyai peti kecemasan yang sentiasa dipantau isi kandungan peti kecemasan tersebut (Azura, 2015).

Metodologi kajian yang dibuat oleh Norulhuda (2017) ini menggunakan konsep reka bentuk *single case*, iaitu bersifat eksploratori dan sesuai untuk sesuatu isu itu dialami oleh pengkaji. Seramai lapan orang informan terlibat sebagai sampel kajian yang menggunakan teknik persampelan bertujuan. Selain itu, pengkaji menggunakan dua teknik pengumpulan data, iaitu temu bual secara mendalam dan juga pemerhatian tidak turut serta. Analisis data temubual dibuat menggunakan teknik analisis *cross case synthetic* manakala teknik pemerhatian pula menggunakan senarai *checklist* berdasarkan pada pemerhatian pertama dan mengikut tema informan.

Hasil yang diperoleh daripada kajian ini adalah pengkaji mendapati bahawa terdapat lima tema utama yang menceritakan tentang amalan persekitaran selamat oleh pengasuh melalui dua jenis teknik metodologi. Dari segi temu bual mendalam, antara lima tema tersebut adalah keutamaan kebersihan, peka terhadap alatan berbahaya, berusaha ke arah persekitaran selamat, kenakalan kanak-kanak menambah risiko dan juga keperluan kerjasama ibu bapa. Walau bagaimanapun dari segi pemerhatian pula, antara tema yang dapat diperhati adalah menjaga kebersihan, barangan bahaya disimpan, persekitaran mesra kanak-kanak, kurang persediaan kecemasan dan juga penglibatan ahli keluarga pengasuh.

2.1 Laman Sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat

Paparan utama laman sesawang ini memaparkan tentang info-info dan juga pengumuman yang diletakkan di bahagian kanan laman dengan menggunakan gambar atau memo. Selain itu, terdapat juga pop-up tentang sertai soal selidik yang disediakan oleh JKM untuk pengunjung yang mengunjungi laman sesawang mereka. Terdapat butang-butang kecil yang perlu ditekan dan dipilih sekiranya ingin pergi ke laman seterusnya. Laman sesawang ini menyediakan ruangan tentang perkhidmatan yang JKM sediakan serta maklumat tentang JKM itu sendiri. Selain itu, soalan-soalan lazim yang sering ditanya serta JKM negeri-negeri yang lain.



Sumber: <http://www.jkm.gov.my/>

Rajah 1. Gambar paparan muka depan laman sesawang JKM.

Pada butang perkhidmatan, terdapat senarai pembahagian dari segi golongan disebabkan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan. Untuk paparan tentang laman berkaitan taska, butang kanak-kanak akan dipilih dan ditekan untuk masuk ke paparan seterusnya.



Sumber: <http://www.jkm.gov.my/>

Rajah 2. Gambar paparan butang perkhidmatan laman sesawang JKM.


Seterusnya, pada butang kanak-kanak tersebut terdapat lagi senarai perkhidmatan lain yang ditawarkan seperti Perkembangan Awal Kanak-Kanak (ECCE), TASKA, senarai pusat jagaan dan juga institusi kebajikan. Pada bahagian taska, terdapat beberapa senarai lain seperti senarai taska berdaftar, kursus asuhan Permata, taska 1Malaysia dan juga senarai taska 1Malaysia yang diiktiraf. Pada bahagian ini, pengkaji lebih memfokuskan pada senarai taska berdaftar dan memilih hanya di kawasan Perlis sahaja.



Sumber: <http://www.jkm.gov.my/>

Rajah 3. Gambar paparan bahagian perkhidmatan senarai taska berdaftar di kawasan Perlis sahaja.

Paparan tentang senarai taska berdaftar di kawasan Perlis memberi maklumat tentang nama taska serta alamat mereka. Selain itu, terdapat juga nombor yang boleh dihubungi dan juga emel tetapi tidak semua taska memaparkan perkara tersebut. Pada paparan *Google Maps*, terdapat koordinat serta gambar 360° pada kawasan sekitar taska tersebut tetapi gambar taska tidak diletakkan dalam mana-mana paparan pada laman sesawang ini.



Sumber: <http://www.jkm.gov.my/>

Rajah 4. Gambar paparan *Google Maps* dan juga gambar 360°.

3. LAMAN SESAWANG INTERAKTIF PENCARIAN TASKA BERLESEN

Fasa pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji adalah dengan mengkaji isu-isu berkaitan pengasuh dan juga taska berlesen yang terdapat di kawasan sekitar Kangar, Perlis. Pelbagai isu boleh berlaku sekiranya terdapat banyak taska-taska yang tidak berlesen beroperasi di sekitar kawasan tersebut. Hal ini disebabkan oleh taska yang tidak berlesen banyak memberi serta mencipta masalah.

Fasa kedua ialah menganalisis isu-isu yang dijadikan sebagai keperluan utama kepada kewujudan laman sesawang interaktif ini. Fasa ini memerlukan pengkaji untuk membuat penilaian semula kepada isu-isu yang dilibatkan dan mengambil isu yang utama sahaja. Perkara ini akan dijadikan sebab kepada wujudnya laman sesawang interaktif yang akan dibangunkan nanti.

Seterusnya, pengkaji mereka bentuk laman sesawang ini dengan membuat papan cerita serta rangka kerja yang diperlukan secara mudah sebagai lakaran kasar kepada pembangunan laman sesawang interaktif yang akan dibangunkan nanti.


3.1 Pembangunan laman sesawang interaktif

Pengkaji mula membangunkan laman sesawang interaktif ini dengan mewujudkan perisian sistem menggunakan aplikasi yang dipanggil *Wix*. *Wix* merupakan aplikasi untuk membangunkan perisian sistem seperti laman sesawang dan juga laman sesawang interaktif.

Pengkaji membangunkan laman sesawang tersebut berdasarkan daripada gambaran awal yang telah dibuat. Dalam fasa pelaksanaan laman sesawang interaktif ini, pengkaji mula membangunkan laman sesawang interaktif tersebut dengan mewujudkan laman sesawang interaktif ini dalam satu laman menggunakan *Wix*. Terdapat tiga menu yang diletakkan oleh pengkaji untuk memudahkan pengguna mengakses laman sesawang interaktif tersebut, iaitu Menu Utama, Hubungi dan juga Mengenai Kami.

Pada paparan Menu Utama, pengkaji menambah ciri interaktif, iaitu dengan meletakkan gambar yang menggunakan elemen *slideshow*. Terdapat empat gambar yang diletakkan dalam slide tersebut yang berkonsepkan kanak-kanak. Slideshow ini merupakan ciri yang terbaik kerana ciri ini menaikkan lagi kemeriahan laman sesawang interaktif tersebut.

Terdapat juga butang yang boleh ditekan oleh pengguna untuk terus ke pautan laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat sekiranya pengguna ingin mendapat maklumat yang lebih terperinci mengenai taska-taska berlesen ini. Apabila pengguna menekan butang yang membawa kepada pautan laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat, enjin carian pengguna akan membuka terus kepada laman sesawang interaktif ini. Berikut merupakan rajah-rajah berkenaan fasa pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen ini dijalankan.



Rajah 5. Paparan muka hadapan Menu Utama pada laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.




Rajah 6. Sambungan paparan muka hadapan Menu Utama pada laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.

Pada bahagian menu Hubungi pula, pengkaji meletakkan gambar ikon rumah yang dilakar sumber oleh Google Images pada setiap permulaan perkenalan kepada taska-taska yang dipilih. Ikon rumah ini dijadikan sebagai simbolik kepada gambar taska yang dipilih tersebut. Pemilihan gambar ikon rumah itu adalah disebabkan tema yang dipilih oleh pengkaji untuk membangunkan laman sesawang interaktif ini bertemakan kanak-kanak. Justeru, pilihan gambar tersebut menepati tema yang dipilih oleh pengkaji sebelum memulakan pembangunan laman sesawang ini.


Terdapat tiga taska yang dipilih oleh pengkaji untuk dimasukkan ke dalam laman sesawang ini, iaitu Taska di Rumah Fatin, Taska di Rumah Nur Hani dan akhir sekali Taska di Rumah Ummu Mustaqim. Pengkaji mewujudkan kelainan pada laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen ini dengan meletakkan harga yang ditawarkan oleh ketiga-tiga taska berlesen tersebut. Hal ini untuk memudahkan pengguna meneliti dan membuat pilihan masing-masing mengikut kesesuaian harga yang ditawarkan.

Ciri yang dipilih oleh pengkaji dengan meletakkan harga untuk pengguna membuat perbandingan ini merupakan aspek yang paling penting kepada penghasilan laman sesawang interaktif ini. Hal ini demikian kerana dengan perletakan harga tersebut, pengkaji berasa dapat menarik lebih ramai pengguna untuk mengakses laman sesawang interaktif yang dibangunkan oleh pengkaji ini.


Rajah-rajah di bawah ini menunjukkan taska-taska berlesen yang telah dipilih dan disusun mengikut harga-harga yang ditawarkan oleh pihak mereka. Pengkaji juga meletakkan maklumat tambahan seperti alamat, nombor telefon yang boleh dihubungi dan juga peta daripada *Google Maps*.



Rajah 7. Paparan menu Hubungi untuk Taska di Rumah Fatin pada laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.



Rajah 8. Paparan menu Hubungi untuk Taska di Rumah Nur Hani pada laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.



Rajah 9. Paparan menu Hubungi untuk Taska di Rumah Ummu Mustaqim pada laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.

Akhir sekali pada menu Mengenai Kami, pengkaji berterima kasih kepada pengguna yang mengakses ke laman sesawang interaktif tersebut. Pengkaji juga memaklumkan kepada pengguna sekiranya ingin mencari taska yang berlesen, pengguna boleh menekan butang Hubungi pada menu di atas ataupun pengguna juga boleh menekan butang Hubungi yang terdapat pada ayat tersebut.

Terdapat juga butang mengenai talian yang boleh dihubungi sekiranya mempunyai pertanyaan tentang laman web tersebut, butang mesej yang boleh dihantar oleh pengguna kepada pengkaji dan juga butang lokasi yang membolehkan pengguna mencari pengkaji sekiranya terdapat

persoalan yang membelenggu fikiran pengguna yang mengakses laman sesawang tersebut. Rajah di bawah memaparkan rekaan pengkaji terhadap menu Mengenai Kami yang meletakkan maklumat tentang cara untuk menghubungi pengkaji itu sendiri.



Rajah 10. Paparan menu Mengenai Kami pada laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.

3.2 Uji Lari

Setelah selesai membangunkan laman sesawang, satu uji lari akan dibuat berdasarkan kebolehgunaan dan kegunaan. Uji lari ini lebih memfokuskan kepada pemeriksaan, pembetulan dan perubahan yang dibuat dalam laman sesawang tersebut jika terdapat kesalahan dalam sistem dan dibetulkan sebelum dikeluarkan kepada orang ramai (Adel *et al.*, 2015).

Ujian Alpha merupakan ujian yang akan dilakukan apabila produk yang dibangunkan boleh berfungsi walaupun tidak sepenuhnya lagi kerana masih dalam peringkat pembangunan. Ujian dilakukan ketika produk sudah boleh menjalankan fungsi teras dan boleh menerima serta menghasilkan input seperti yang sepatutnya (Jaafar, 2010). Pengkaji akan mengambil responden yang terdiri daripada pakar multimedia untuk menjalankan ujian Alpha ini.

Menurut Jaafar (2010) juga, ujian Beta merupakan ujian yang akan dilakukan apabila fungsi produk yang dibangunkan boleh berjalan dan beroperasi dengan baik seperti yang sepatutnya. Produk yang dibangunkan juga telah bersedia untuk menerima maklum balas dari pengguna yang menjalankan ujian ini.

Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk memastikan pengguna boleh menggunakan produk yang dihasilkan dengan baik dan untuk mengesan jika terdapat kesilapan ketika produk sedang beroperasi. Perkara ini sangat penting kerana pengkaji masih boleh membetulkan kesilapan sebelum produk boleh dikeluarkan sepenuhnya.

3.2.1 Uji Lari Alpha

Pengkaji telah menetapkan responden adalah sebanyak dua orang pakar multimedia yang mengetahui tentang pembangunan laman web untuk menjalankan ujian Alpha ini. Sesi temu bual dijalankan apabila aplikasi laman web ini telah siap dibangunkan dan fungsi utama laman web boleh berfungsi.

Tujuan ujian ini dijalankan adalah untuk memastikan pembangunan yang dijalankan boleh berfungsi dengan baik dan untuk mencari kesilapan yang wujud supaya pengkaji dapat membetulkan kesilapan yang telah dilakukan. Ujian ini dapat memastikan kesempurnaan aplikasi yang dibangunkan dan boleh beroperasi secara betul mengikut atur cara yang telah ditetapkan.

3.2.2 Uji Lari Beta

Pengkaji telah menetapkan responden untuk menjalankan ujian Beta ini adalah sebanyak 30 orang responden yang berpotensi untuk menggunakan aplikasi laman web ini dan tinggal di kawasan Perlis sahaja. Soal selidik diedarkan melalui atas talian sahaja menggunakan "Google Forms" untuk lebih menyenangkan pengkaji dan pengguna menjalankan ujian ini tanpa perlu bersemuka secara berdepan.

Hal ini dapat menjimatkan masa dan tenaga kerana kos tidak perlu dikeluarkan dalam jumlah yang banyak. Terdapat tiga bahagian soalan yang terdapat dalam soal selidik yang telah diberikan. Bahagian A adalah data demografi responden, bahagian b adalah ujian kebolegunaan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis dan akhir sekali bahagian C adalah pendapat dan penambahbaikan.

Bahagian B merupakan soalan yang berkaitan dengan ujian kebolegunaan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis. Pada bahagian ini, terdapat enam soalan yang menggunakan jawapan dari segi kepuasan pengguna, iaitu dari sangat tidak memuaskan kepada sangat memuaskan.


Untuk soalan yang pertama, pengkaji menyoal tentang adakah pembangunan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis dapat memberi manfaat kepada pengguna yang akan menggunakan laman sesawang interaktif tersebut. Soalan kedua, adakah reka bentuk dan paparan skrin laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis memenuhi kehendak dan cita rasa pengguna itu sendiri. Soalan ketiga pula, adakah laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis memudahkan pengguna untuk mengaksesnya. Soalan keempat, adakah maklumat yang terdapat dalam laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis jelas dan mudah difahami oleh pengguna laman sesawang interaktif tersebut. Soalan kelima pula, adakah setiap butang yang terdapat di laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis mudah dikenal pasti dan pengguna tahu akan fungsi kebolegunaan laman sesawang interaktif tersebut. Soalan terakhir, iaitu soalan keenam, adakah segala maklumat yang dipaparkan memenuhi kehendak pengguna yang menggunakan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis tersebut.

Akhir sekali pada bahagian terakhir, iaitu bahagian C yang berkaitan dengan pendapat dan penambahbaikan, pengkaji memerlukan pendapat atau komen dan juga sebarang penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk menjadikan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis ini lebih mudah dan menarik untuk diakses oleh pengguna.

4. Hasil Uji Lari Kebolegunaan Laman Sesawang Interaktif Pencarian Taska Berlesen


Ujian kebolegunaan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis merupakan soal selidik yang berkaitan dengan fungsi serta paparan yang ada pada laman sesawang tersebut. Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui tentang kebolegunaan fungsi yang terdapat pada laman sesawang itu dan pengguna dapat menggunakan laman sesawang tersebut tanpa mengalami masalah. Ia juga adalah untuk memastikan fungsi laman sesawang ini beroperasi dengan baik tanpa membuat kesilapan.

Terdapat enam soalan yang ditujukan kepada responden pada bahagian ini untuk mengetahui tentang kebolegunaan fungsi-fungsi yang ada pada laman sesawang tersebut. Hasil dari soal selidik berkaitan bahagian ini ditunjukkan pada Rajah 11 sehingga Rajah 16.




Rajah 11. Pembangunan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis dapat memberi manfaat kepada anda.

Berkenaan soalan yang diberikan oleh pengkaji kepada pengguna mengenai pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis dapat memberi manfaat kepada pengguna ataupun tidak, majoriti memberi jawapan memuaskan, iaitu seramai 17 orang responden, manakala diikuti dengan jawapan kurang memuaskan, iaitu seramai tujuh orang responden. Sangat memuaskan mempunyai responden sebanyak empat orang dan tidak memuaskan mempunyai responden sebanyak dua orang sahaja. Tiada responden yang memberikan jawapan sangat tidak memuaskan untuk soalan satu ini.




Rajah 12. Reka bentuk dan paparan skrin laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis memenuhi kehendak dan cita rasa anda.

Soalan mengenai reka bentuk dan paparan skrin laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis memenuhi kehendak dan cita rasa pengguna ataupun tidak, majoriti memberikan jawapan memuaskan sahaja, iaitu seramai 17 orang responden kepada soal selidik ini. Kedua tertinggi pula ada pada jawapan sangat memuaskan, iaitu seramai sembilan orang responden yang menjawab soal selidik ini. Akhir sekali, seramai empat orang responden menjawab kurang memuaskan dan tiada responden yang memberikan jawapan tidak memuaskan dan sangat tidak memuaskan.




Rajah 13. Laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis memudahkan anda untuk mengaksesnya.

Soalan yang ketiga pula mengenai pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis. Untuk soalan ini, majoriti responden memilih jawapan sangat memuaskan, iaitu seramai 11 orang responden yang menjawab soal selidik ini. Ramai juga responden yang menjawab jawapan memuaskan, iaitu seramai 10 orang responden. Selebihnya menjawab jawapan kurang memuaskan, iaitu seramai lapan orang responden dan akhir sekali seramai satu orang yang memberi jawapan tidak memuaskan dalam soal selidik mengenai pembangunan laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis ini.




Rajah 14. Maklumat yang terdapat dalam laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis jelas dan mudah difahami.

Soalan yang keempat adalah mengenai maklumat yang terdapat dalam laman sesawang interaktif yang menjadi platform pencarian taska berlesen di Perlis ini jelas dan mudah difahami oleh pengguna yang mengakses laman sesawang interaktif tersebut. Majoriti responden memilih jawapan sangat memuaskan, iaitu seramai 12 orang responden yang menjawab soal selidik ini. Seterusnya, seramai 11 orang responden memilih jawapan memuaskan kepada soalan yang diajukan, manakala seramai lima orang responden memilih jawapan kurang memuaskan ketika menjawab soal selidik ini. Akhir sekali, untuk jawapan tidak memuaskan, seramai dua orang memilih jawapan tersebut ketika menjawab soal selidik mengenai pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis ini.



Rajah 15. Setiap butang yang terdapat di laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis mudah dikenal pasti dan anda tahu akan fungsi kebolehgunaannya.

Seterusnya untuk soalan kelima, iaitu berkenaan setiap butang yang terdapat di laman sesawang interaktif yang menjadi platform pencarian taska berlesen di Perlis ini mudah dikenal pasti dan pengguna laman sesawang interaktif ini tahu akan fungsi kebolehgunaan laman sesawang tersebut. Untuk soalan ini, majoriti responden yang menjawab soal selidik ini lebih memilih jawapan kurang memuaskan, iaitu seramai 13 orang responden daripada 30 orang responden yang telah ditetapkan. Selain itu, seramai sembilan orang responden telah memilih jawapan memuaskan dan seorang sahaja memilih jawapan sangat memuaskan. Selebihnya memilih jawapan sangat tidak memuaskan, iaitu seramai empat orang dan tiga orang untuk jawapan tidak memuaskan pada soal selidik mengenai pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis ini.



Rajah 16. Segala maklumat yang dipaparkan memenuhi kehendak anda sebagai pengguna laman sesawang interaktif pencarian taska berlesen di Perlis.

Soalan yang terakhir dalam bahagian B ini merupakan soalan berkenaan segala maklumat yang dipaparkan memenuhi kehendak pengguna yang menggunakan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis ini. Untuk soalan ini, majoriti responden memilih jawapan memuaskan untuk soal selidik ini, iaitu seramai 16 orang responden. Seramai tujuh orang responden memberi jawapan sangat memuaskan, manakala seramai lima orang responden memberi jawapan kurang memuaskan pada soal selidik tersebut. Sangat tidak memuaskan dan sangat memuaskan mendapat bilangan yang sama rata, iaitu seramai seorang

sahaja yang memilih jawapan-jawapan tersebut dalam soal selidik mengenai pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis.

Melalui perbincangan yang telah dilakukan melalui kajian projek ini sememangnya secara keseluruhannya telah mencapai kesemua objektif asal kajian dan salah satunya adalah membangunkan laman sesawang interaktif yang menjadi platform pencarian taska berlesen di Perlis. Pencapaian objektif ini dapat dilihat melalui percubaan projek yang dibangunkan, iaitu laman sesawang interaktif yang telah dihasilkan menerusi dua orang pakar dan seramai 30 orang responden serta komen dan cadangan penambahbaikan daripada mereka.

Perkara-perkara ini mendapat maklum balas yang positif mengenai laman sesawang interaktif tersebut dan ia memberikan pendedahan yang mendalam tentang kewujudan taska-taska berlesen yang lebih terjamin keselamatannya. Terdapat juga kelebihan dan kelemahan yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji itu sendiri di dalam hasil akhir pembangunan laman sesawang interaktif ini.

Seterusnya untuk objektif kedua pula, iaitu untuk mengenal pasti taska-taska berlesen yang terdapat di kawasan Perlis, objektif ini juga berjaya dicapai melalui komen positif daripada responden yang terdiri daripada pakar multimedia serta pengguna laman sesawang interaktif tersebut seterusnya dapat mencapai objektif yang ketiga, iaitu untuk mengurangkan proses pencarian taska-taska berlesen di kawasan Perlis oleh ibu bapa yang sibuk bekerja. Hal ini dapat memberi pertolongan kepada mereka kerana dapat meringankan sedikit beban mengenai pencarian taska berlesen ini.

Antara kelebihan laman sesawang interaktif yang dapat dikenal pasti ialah:

- i. Laman sesawang interaktif ini merupakan laman sesawang yang menjadi platform kepada ibu bapa untuk mencari taska-taska berlesen yang selamat untuk anak-anak mereka.
- ii. Laman sesawang interaktif ini juga dapat menjimatkan masa dan tenaga ibu bapa yang sibuk dengan kerjaya mereka tanpa perlu menghabiskan kos yang banyak untuk mencari taska yang berlesen.
- iii. Dapat membuka peluang rezeki yang lebih luas kepada pemilik taska berlesen yang dimasukkan ke dalam laman sesawang interaktif ini.
- iv. Antara kelemahan laman sesawang interaktif yang dapat dikenal pasti ialah:
 - v. Laman sesawang interaktif ini mengandungi maklumat yang terlalu banyak dan ia menyebabkan laman sesawang tersebut menjadi tidak terlalu menyerlah dan kurang menarik perhatian pengguna ketika ingin melayari laman sesawang tersebut.
 - vi. Gambar yang dimasukkan kelihatan kurang jelas dan tidak menyeluruh menyebabkan pengguna kurang tertarik untuk memilih taska berlesen tersebut.
 - vii. Penggunaan laman sesawang kurang popular dan tidak ramai yang mencari sesuatu melalui laman sesawang jika perkara tersebut telah mempunyai aplikasi mobil yang lebih mudah untuk diakses.

Cadangan berdasarkan perbincangan dan hasil pemerhatian oleh penyelia, pakar multimedia, pengguna laman sesawang interaktif dan juga pengkaji itu sendiri pada keseluruhannya mencadangkan agar pembangunan laman sesawang interaktif ini dapat dikembangkan lagi dan boleh ditambah baik dari semasa ke semasa dengan menggunakan gambar yang lebih jelas dan menyeluruh, memperbanyak skop lokasi-lokasi taska berlesen yang ada di sekitar kawasan Perlis supaya pengguna dapat membuat pilihan dengan lebih bijak dan lebih teratur.

Selain itu, penambahbaikan laman sesawang interaktif juga boleh dibuat supaya menjadi lebih menarik dan boleh menyerlah untuk menarik perhatian pengguna memilih taska berlesen tersebut. Akhir sekali, adalah sangat bagus sekiranya pengkaji dapat membuat aplikasi mobil

untuk menyenaraikan taska-taska berlesen yang ada di kawasan Perlis supaya pengguna lebih berminat untuk mengakses di kemudian hari.

5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pembangunan laman sesawang interaktif sebagai platform pencarian taska berlesen di Perlis dapat memberikan nafas baru kepada pengguna yang memerlukan khidmat pengasuh tetapi risau dengan ciri-ciri keselamatan yang ditawarkan. Taska berlesen yang dimasukkan ke dalam laman sesawang ini diambil hanya dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja. Selain itu, ia juga dapat mengelakkan ibu bapa dari tersalah langkah dengan memilih pengasuh yang tidak bertauliah dan tidak memiliki sijil yang sepatutnya untuk menjadi pengasuh. Rumah yang tidak memiliki ciri-ciri keselamatan yang lengkap dan mencukupi agak berisiko kepada kanak-kanak kerana pada usia muda ini, kanak-kanak lebih cenderung untuk menjadi aktif dan perkara ini boleh mendatangkan bahaya kepada diri mereka jika tidak dijaga dengan betul. Dengan adanya laman sesawang interaktif ini, keselamatan dan kesihatan anak-anak lebih terjamin kerana ibu bapa hanya akan membuat pilihan berkenaan taska-taska yang mempunyai lesen dan mendapat kelulusan dari kerajaan sahaja yang menjadi pilihan dalam laman sesawang interaktif tersebut.

RUJUKAN

- Alshamrani, A., & Bahattab, A. (2015). A comparison between three SDLC models waterfall model, spiral model, and Incremental/Iterative model. *International Journal of Computer Science Issues (IJCSI)*, 12(1), 106.
- Baba, A. M., & Nonyelum, O. F. BOEHM-Waterfall Methodology: Issues and Challenges.
- Chou, C. (2003). Interactivity and interactive functions in web-based learning systems: a technical framework for designers. *British Journal of Educational Technology*, 34(3), 265-279.
- Chung, C. C., Chao, L. C., Chen, C. H., & Lou, S. J. (2016). *Evaluation of interactive website design indicators for e-entrepreneurship. Sustainability*, 8(4), 354.
- Kannan, V., Jhahharia, S., & Verma, S. (2014). *Agile vs. waterfall: A comparative analysis. International Journal of Science, Engineering and Technology Research*, 3(10), 2680-2686.
- Liu, Y. (2003). Developing a scale to measure the interactivity of websites. *Journal of advertising research*, 43(2), 207-216.
- Petersen, K., Wohlin, C., & Baca, D. (2009, June). *The waterfall model in large-scale development. In International Conference on Product-Focused Software Process Improvement*, 386-400. Springer, Berlin, Heidelberg.
- Rastogi, V. (2015). Software Development Life Cycle Models-Comparison, Consequences. *International Journal of Computer Science and Information Technologies*, 6(1), 168-172.
- Sarnon, N., Ali, M., & Zakaria, E. (2017). Amalan Persekitaran Selamat Kanak-kanak dalam kalangan Pengasuh di Rumah yang Tidak Berdaftar (Safety Environment Practices among Unlicensed Home Based Child Daycare). *e-Bangi*, (3).
- Saxena, A., & Upadhyay, P. (2016). *Waterfall vs. prototype: Comparative study of sdlc. Imperial Journal of Interdisciplinary Research*, 2(6).
- Thangavelu, M. (2009). *Combating fraud and theft threats at host level using intrusion prevention system* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Van Casteren, W. (2017). *The Waterfall Model and Agile Methodologies: A comparison by project characteristics*.
- Yu, J. (2018, July). *Research Process on Software Development Model. In IOP Conference Series: Materials Science and Engineering (Vol. 394, No. 3, p. 032045). IOP Publishing*.

